

CABARAN PENGIMARAHAN MASJID SEMASA PANDEMIK COVID 19: KAJIAN KES DI MASJID AL-RAHMAN PULAU PERHENTIAN

Mohd Shafiee Hamzah, Anas Mohd Yunus, Nik Nor Azeah Nik Azman,
Mariam Nabilah Mohd Noor & Mohd A'tarahim Mohd Razali¹

¹Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 21300 Kuala Nerus, Terengganu

Corresponding Author: Mohd Shafiee bin Hamzah. Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. Email: mshafiee@unisza.edu.my

Abstrak

Pandemik COVID 19 telah memberi cabaran baru dalam segenap aspek kehidupan manusia. Pelbagai norma baharu telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengekang penularan pandemik ini. Antara institusi yang amat terkesan dengan pandemik ini ialah masjid. Ini kerana masjid sentiasa menjadi tempat perhimpunan umat Islam untuk menunaikan solat fardu, solat Jumaat dan kuliah agama. Justeru, kertas ini bertujuan untuk melihat cabaran pengimarah masjid semasa pandemik COVID 19 dengan menjadikan Masjid al-Rahman Pulau Perhentian sebagai kajian kes. Kajian ini akan menggunakan pendekatan pemerhatian dan temu bual bagi mengumpul maklumat, dan maklumat yang didapati akan dianalisis dengan menggunakan perisian *atlas.ti*. Kajian mendapati Masjid al-Rahman telah beroperasi dengan SOP yang ketat seperti yang diarah oleh MAIDAM. Dari satu sudut yang lain, masjid telah dikunjungi oleh ramai anak muda untuk program Halaqah al-Quran rentetan dari penutupan sektor pelancongan. Kertas ini memberi input terhadap cabaran pengimarah masjid al-Rahman di Pulau Perhentian semasa Pandemik COVID 19.

Kata kunci: Cabaran Pengimarah Masjid, Pandemik COVID19, Masjid Al-Rahman Pulau Perhentian.

(THE CHALLENGE OF THE MOSQUE DURING THE COVID 19 PANDEMIC: A CASE STUDY AT MASJID AL-RAHMAN PULAU PERHENTIAN)

Abstract

The COVID 19 pandemic has presented new challenges in all aspects of human life. Various new norms have been introduced by the government to curb the spread of this pandemic. Among the institutions most affected by this pandemic are mosques. This is because the mosque has always been a gathering place for Muslims to perform obligatory prayers, Friday prayers and religious lectures. Thus, this paper aims to look at the challenges faced by the mosque during the COVID 19 pandemic by making Masjid al-Rahman Pulau Perhentian a case study. This study will use observation and interview approaches to collect information, and the information obtained will be analyzed using *atlas.ti* software. The study found that Masjid al-Rahman has operated with strict SOPs as directed by MAIDAM. From another angle, the mosque has been visited by many young people for a series of Halaqah al-Quran programs from the closure of the tourism sector. This paper provides input on the challenges of maintaining the al-Rahman mosque in Pulau Perhentian during the COVID 19 Pandemic.

Keywords: Mosque Enlivening Challenge, COVID19 Pandemic, Al-Rahman Mosque Pulau Perhentian.

1. Pendahuluan

Pulau Perhentian merupakan sebuah pulau yang terletak di Daerah Besut, lebih kurang 11.8 Nautika (20 km) dari Jeti Kuala Besut dan ia berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Besut. Pada awalnya pulau perhentian ini merupakan sebuah perkampungan nelayan, namun perkembangan industri pelancongan yang begitu cepat di Pulau tersebut telah merubah imej pulau tersebut dari sebuah perkampungan nelayan kepada pulau pelancongan. Pulau perhentian ini terdiri dari tiga buah pulau iaitu i- Pulau perhentian kecil, ii- Pulau Perhentian Besar dan iii- Pulau Susu Dara dan pulau-pulau kecil yang lain yang jumlah keluasannya ialah 1392.15 Hektar. Walaupun begitu, hanya sebuah pulau yang menjadi penempatan iaitu Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian Kecil iaitu berkeluasan 9.87 hektar dari jumlah keseluruhan, manakala pulau perhentian besar pula merupakan pulau yang didirikan banyak hotel untuk aktiviti pelancongan. Pulau Susu Dara pula tidak berpenghuni dan ia hanya dikunjungi bagi aktiviti snorkel dan selam skuba. (Tourism Malaysia 2015)

2. Masjid sebagai Syiar Agama Islam

Masjid merupakan salah satu platform utama dalam sesebuah masyarakat dalam usaha menyampaikan Islam. Tuntutan seruan dakwah merupakan kesinambungan daripada usaha dakwah para Nabi a.s yang terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW antaranya Nabi Nuh a.s, Nabi Hud a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Lut a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Sulaiman a.s, Nabi Daud a.s sehinggalah Nabi Isa a.s dan berakhirlah kerasulan setelah baginda Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir.

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, masjid merupakan tempat bagi mengumpulkan orang Islam menerima pengajian Islam daripada baginda. Selain itu, masjid dijadikan tempat pertemuan sesama muslimin mengeratkan silaturahmi serta tempat perbincangan umat Islam dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid merupakan salah satu kaedah untuk memupuk semangat kerjasama dalam satu barisan di kalangan umat Islam (Ab. Aziz Mohd Zin 2012). Komunikasi masjid memberi impak yang sangat tinggi terhadap masyarakat dalam proses interaksi bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan pemikiran, sikap dan emosi (Zulkiple Abd. Ghani 2003). Dapatan kajian yang telah dilakukan berkaitan maklumbalas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid di Semenanjung Malaysia membuktikan keberkesanan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid sekaligus menunjukkan kepentingan peranan masjid sebagai institusi yang memberi impak tinggi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat (Yusmini & Mohd Anwarulhaq 2004).

Pembinaan masjid merupakan satu infrastruktur yang amat penting sehinggakan dalam peristiwa Hijrah rasulullah SAW ke Madinah al-Munawwarah, pembinaan masjid telah diberi keutamaan oleh Baginda SAW. (al-Mubarakfuri: 2006) Usaha pertama yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW ialah membina masjid sewaktu dalam perjalanannya berhijrah ke Madinah. Baginda telah bermalam di sebuah tempat bernama Quba' selama beberapa malam, seterusnya mengasaskan pembinaan sebuah masjid di situ yang dinamakan masjid Quba' (Yahya Mahmud Salman 2005).

3. Masjid al-Rahman Pulau Perhentian

Dalam konteks pulau perhentian, pulau ini memiliki sebuah masjid yang amat cantik dan sangat bersesuaian dengan statusnya sebagai pulau bertaraf pelancongan iaitu Masjid al-Rahman. Menurut Datuk Mohd Rozali Saleh (2015) pembinaan Masjid ar-Rahman Pulau Perhentian telah siap sepenuhnya pada tahun 2015 bagi menggantikan masjid lama sebelum ini. Menurut Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman (2015), pembinaan masjid ini adalah memenuhi keperluan ibadat kepada penduduk kampung dan juga menjadi daya penarik kepada para pelancong. Masjid yang bernilai RM13.5 juta memberi makna yang besar kerana sebagai sebuah pulau perangan ia juga perlu dilengkapi dengan kemudahan beribadat yang selesa selaras dengan hasrat tidak memisahkan pelancongan dengan keperluan beribadat untuk penduduk dan pengunjung yang beragama Islam. Masjid ini dilengkapi dengan dewan dan juga

beberapa buah kedai di pinggir laut yang jernih itu sesuai dengan hasrat menjadikan rumah Allah itu tumpuan komuniti. Bagi Ustaz Zaimi Daud (2021) masjid merupakan institusi pendidikan yang penting dalam pembinaan rohani dan menjadi mercu tanda keagungan umat Islam di sesuatu tempat. Justeru, pembinaan Masjid Rahman di Pulau Perhentian menunjukkan keagungan agama Islam di Pulau perhentian. Menurut Zakuan (2021) Masjid Pulau Perhentian itu merupakan cetusan idea Allahyarham Dr..Abdul Rahman Mokhtar yang berpendapat perlunya didirikan sebuah masjid yang kukuh dan sempurna lagi indah di Pulau Perhentian. Pembinaan masjid tersebut telah bermula pada tahun 2011 dengan pemilihan lokasi di tepi laut Kampung Perhentian Kecil, kawasan yang padat dengan penduduk. Justeru, bagi tujuan menjimatkan kawasan tanah, sebahagian masjid itu dibina di dalam laut di tepi pulau itu menjadikan ia bagaikan masjid terapung menambahkan lagi keunikannya.

4. Program Agama Di Masjid Pulau Perhentian

Institusi masjid mempunyai fungsi yang lebih besar dalam dunia pendidikan Islam. Kesan daripada penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah, masjid berperanan sebagai penyumbang besar terhadap perkembangan pelajaran dan pendidikan serta menjadi sebuah institusi terpenting. Menurut Ibn Hisyam (1971: 11/2) dan al-Thabari (1965: 1259), Nabi Muhammad s.a.w. telah mendirikan Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid Nabawi di Madinah yang telah dijadikan pusat pendidikan Islam.

Penggunaan masjid sebagai institusi pendidikan selain daripada tempat untuk melakukan aktiviti ibadah khusus, adalah bersesuaian dengan inspirasi akhlak dan kemasyarakatan umat Islam. Penampilan institusi masjid sebagai sebuah pusat pendidikan adalah satu anjakan yang terhasil kesan daripada pertentangan fungsi utama rumah yang merupakan hak individu dan agak kurang sesuai sebagai institusi terbuka untuk pertemuan umum.(Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi.)

Tempat pembelajaran yang paling utama dan berkesan adalah masjid kerana belajar di dalamnya dapat menghidupkan sunnah dan menghapuskan bidaah, hukum-hukum Allah S.W.T. dapat dipelajari dan diamalkan. Masjid dapat menyediakan keperluan yang cukup kerana ia menjadi tempat pertemuan umum bagi semua lapisan masyarakat.

Memang tidak dapat disangkal lagi, bahawa masjid membawa risalah kemasyarakatan dan kerohanian yang agung nilainya terhadap kehidupan umat Islam. Masjid merupakan medium yang menyatukan umat Islam, menyucikan jiwa mereka, menghidupkan hati dan akal mereka, menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka dan akhirnya menampilkan kekuatan jua hubungan erat mereka. Firman Allah S.W.T.:

Terjemahan: Siapa lagi yang terlebih zalim daripada orang yang menghalang masjid-masjid Allah bahawa disebut di dalamnya nama-Nya dan berusaha merobohkannya? Mereka tidak layak memasukinya kecuali dengan rasa takut (kepada Allah). Bagi mereka kehinaan di dunia dan bagi mereka azab yang sangat dahsyat di akhirat.

(Al-Baqarah, 2:114)

Masjid merupakan sebuah institusi yang sentiasa menjadi tempat perkembangan keilmuan. Semenjak dari zaman rasulullah lagi, masjid sentiasa menjadi tumpuan kepada pembelajaran agama. (Abdullah, Wahyu & Norani, Mohammad : 2020). Masjid al-Rahman Pulau Perhentian ini juga meneruskan tradisi keilmuan tersebut dengan menjalankan fungsi pembelajaran ilmu kepada masyarakat setempat. Hasil penelitian mendapati masjid ini menjalankan dua jenis aktiviti pengajian ilmu iaitu i- pengajian berkitab dan ii- ceramah umum.

i- Pengajian berkitab

Pengajian berkitab ini dijalankan dalam dua waktu iaitu a- antara waktu maghrib dan isya' dan b- selepas waktu subuh. Perkara ini disebabkan oleh pengkuliah yang mengajar akan datang ke Pulau Perhentian pada waktu petang dan akan bertolak balik ke Besut keesokan paginya. Menurut Nik Zawawi (2021) kuliah maghrib diadakan setiap hari kecuali hari jumaat.

ii- Ceramah umum

Masjid al-Rahman Pulau Perhentian juga menyediakan platform pengajian ilmu kepada komuniti dengan menjemput penceramah-penceramah selebtri terkenal tempatan dan atarabangsa. Menurut Ahmad Zakuan (2020) tujuan Ahli Jawantankuasa Masjid al-Rahman menjemput penceramah tersebut adalah untuk menarik golongan muda untuk hadir bersama-sama mengimarahkan majlis ilmu. Berikut merupakan nama penceramah yang dijemput oleh AJK Masjid Al-Rahman Pulau Perhentian:

BIL	TARIKH	NAMA
1	3 Ogos 2018	Ustaz Afis Ibrahim
2	10 Ogos 2018	Ustaz Azhar Idrus
3	17 Ogos 2018	Ustaz Maulana Helmi
4	7 Sept 2018	Ustaz Ahmad Muzani Abd Rahman
5	25 Mac 2019	PU Salman
6	29 Mac 2019	Ustaz Mohamad Kecil
7	18 Jun 2019	Baba Ismail Sepanjang
8	7 Sept 2020	Ustaz Muhaizad Muhamed

Jadual 1: Senarai Penceramah Jemputan Masjid al-Rahman Pulau Perhentian

Selain itu, masjid ini sentiasa aktif dalam melaksanakan aktiviti berdasarkan kalendar Islam seperti sambutan Maal hijrah, Sambutan maulid Nabi, sambutan Isra dan Mikraj, *iftar jamaie* di bulan Ramadan dan lain-lain lagi.

5. Cabaran Pengimarahkan Masjid di Musim Pandemik COVID19

Pandemik COVID 19 telah membawa masyarakat dunia kepada norma baharu dalam segenap aspek kehidupan. Masjid juga tidak terkecuali dari pengamalan norma baharu ini. Dalam konteks Negeri Terengganu, pelbagai prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan ditetapkan oleh pihak majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Terengganu (MAIDAM) bagi memastikan semua pihak mematuhi ketetapan ini.

Menurut Yang Dipertua MAIDAM, Datuk Osman Muda (2021) berkata, apabila kes dalam masyarakat mula menurun, MAIDAM akan mengeluarkan SOP terbaru selepas mendapat perkenan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan mendapat pandangan Mufti Negeri. Negeri Terengganu pada Fasa ke 3 PKP telah membenarkan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan Dan Keselamatan yang ditetapkan, selain mengadakan solat hajat dan bacaan Surah Yasin setiap malam Jumaat selepas solat Maghrib secara berjemaah dan berdoa memohon supaya Allah mengangkat wabak ini. Imam dikehendaki

membaca Doa Qunut Nazilah dalam solat Jumaat dan doa mohon dijauhi daripada wabak penyakit yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) selepas setiap kali solat hajat dan bacaan surah Yasin.

Dalam konteks Pulau Perhentian, Pengerusi Masjid al-Rahman Pulau Perhentian, Ahmad Zakuan (2021) memberitahu cabaran yang paling besar bagi muslim dalam musim COVID 19 ini ialah mengimarahkan dan menghidupkan rumah Allah. Dengan jumlah pesakit COVID 19 yang makin meninggi, pihak berkuasa telah mengeluarkan pelbagai peraturan dan tatacara solat di masjid bagi mengekang penularan wabak ini. Walaupun agama menyeru agar setiap muslim memakmurkan masjid adalah dengan solat berjemaah, solat Jumaat dan kuliah-kuliah agama, namun dugaan umat Islam ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awalnya ialah larangan menunaikan ibadat secara beramai-ramai di masjid.

Menurut Ahmad Zakuan lagi, apabila masjid dibuka, ahli kariah dan pelancong diingatkan untuk mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pihak masjid telah menaikkan kain rentang di pintu pagar bagi mengingatkan ahli kariah dan pelancong untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditentukan dan pihak masjid juga menyediakan alat pengimbas suhu serta cecair pembasmi kuman di pintu masuk ruangan solat utama masjid. Antara SOP yang diwajibkan ialah, i- ahli kariah perlu memeriksa suhu, ii- menulis nama ataupun mengimbas QR kod, iii- membawa sejadah sendiri, iv- memakai pelitup muka. Selain itu, ahli kariah dan pelancong juga tidak dibenarkan untuk i- bersalaman dan ii- berkumpul selepas solat. Bagi yang bergejala dan kanak-kanak, golongan ini dilarang hadir ke masjid. Ahli kariah juga diingatkan supaya berwuduk dari rumah lagi bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID 19.

Paling menarik, Ahmad Zakuan (2021) mendedahkan, satu fenomena baru berlaku di Masjid Pulau Perhentian ialah golongan muda yang mula mendekati masjid dan belajar al-Quran semasa pandemik ini berlaku. Menurut beliau, sambutan dari golongan muda terhadap *halaqah* al-Quran yang diadakan di Masjid amat menggalakkan apabila lebih kurang 60 pemuda menghadiri *halaqah* tersebut. Faktor yang mendorong kepada fenomena ini ialah penutupan sektor pelancongan yang menyebabkan golongan muda yang sebelum ini amat sibuk dengan aktiviti pelancongan, mula mempunyai masa untuk menghadiri *halaqah* al-Quran bagi belajar membaca al-Quran. Walaupun begitu, menurut beliau lagi, cabaran terbesar bagi muslim ialah apabila terdapat individu yang menggunakan alasan COVID 19 untuk tidak hadir solat Jumaat walaupun mereka sudah mendapat suntikan 2 dos dari pihak berkuasa.

6. Penutup

Masjid sentiasa menjadi tempat tumpuan masyarakat untuk menunaikan solat berjemaah dan aktiviti kuliah agama. Memandangkan ia menjadi tempat tumpuan, pihak kerajaan telah menetapkan SOP yang begitu ketat bagi mengekang penularan wabak ini ke dalam masyarakat. Justeru, keadaan ini telah memberi cabaran yang amat besar iaitu pengimarah masjid dalam musim Pandemik COVID 19 ini. Dalam konteks Pulau Perhentian, penutupan pulau ini kepada pelancong telah menyebabkan golongan muda mula memakmurkan masjid dengan menghadiri *halaqah* al-Quran bagi belajar membaca al-Quran. Dari sudut yang lain pula, terdapat segelintir ahli masyarakat yang mengambil kesempatan untuk tidak hadir Solat Jumaat dengan menggunakan alasan pandemik COVID 19 walaupun individu tersebut telah lengkap dua dos.

RUJUKAN

- Abdullah, Wahyu & Norani, Mohammad. (2020). *Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka*. 3. 2020.
- Ibn Hisyam. 1971. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Thurath al-Arabi.
- Ibn Imad Yahya Mahmud Salman. 2005. *al-Sirah al-Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Markaz al-Bayan., 1931.
- Shadharat al-dhahab fi akhbâr man dhahab. Qâherah: Maktabah al-Qudsi.
- Jasmi, K. A. & Che Noh, M. A. (2013). *Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran. Dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) alQuran SRA JAWI*. Kuala Lumpur: Malaysia

- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi. 2008. *Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tourism Malaysia. 2015. *Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana*. Putrajaya: Malaysia
- Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2004. *Kajian Tentang Maklumbalas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia*. *Jurnal Usuluddin* 20(20): 201-222.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Membangun Institusi Masjid, Komunikasi Masjid*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.